

Empat kali premis digenangi air

PASIR PUTEH - Penyewa beberapa premis di Jalan By Pass dari Pasar Borong ke gelanggang futsal di sini, mengalami kerugian apabila premis mereka digenangi air sebanyak empat kali pada musim tengkujuh kali ini.

Salah seorang penyewa, Mohd Bakri Mat Yaman, 40, berkata, masalah itu mungkin perkara biasa bagi peniaga yang sudah lama berniaga di kawasan itu.

"Kami peniaga baru tidak menyangka premis dimasuki air dan lebih malang lagi apabila ianya berlaku pada waktu malam ketika kami tidak ada.

"Kejadian itu menyebabkan kami mengalami kerugian apabila peralatan bengkel rosak akibat dimasuki air dan tidak dapat menjalankan perniagaan beberapa hari," katanya sambil meminta pihak berkenaan mencari jalan penyelesaian.

Katanya, longkang di kiri dan kanan cukup besar tetapi aliran air seperti tersekat yang menyebabkan kawasan premis perniagaan digenangi air setiap kali hujan lebat.

"Masalah ini dapat diatasi sekiranya aliran air tidak terganggu, saya berharap perkara ini disiasat dan diselesaikan seberapa segera," katanya.



Premis perniagaan di Jalan By Pass digenangi air selepas hujan lebat menyebabkan penyewa mengalami kerugian.